




Penunggang motosikal terpaksa mengharungi banjir di Jalan Pudu berhampiran Hospital Tun Seng dan Pudu Sentral disebabkan hujan lebat di sekitar Kuala Lumpur, baru-baru ini. [ FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI / BH ]



Pengguna di Lebuhraya Persekutuan menghala ke Lapangan Terbang Subang meredah banjir selepas berlakunya hujan lebat. [ FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD / BH ]



Kesesakan di lebuhraya akibat penutupan terowong SMART. [ FOTO AIZUDDIN SAAD / BH ]

# 38 lokasi banjir di KL

» DBKL tubuh pasukan khas, segera tangani masalah bila hujan lebat

Oleh Halina Mohd Noor  
halina@bharian.com.my

## Kuala Lumpur

**S**ekurang-kurangnya 38 lokasi di sekitar ibu kota dikenal pasti berisiko banjir sepanjang musim monsun sekarang.

Berikutan itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memantau keadaan, terutama di Jalan Kuching, jejambat Chan Sow Lin dan Jalan Sungai, yang sering berlaku banjir kilat setiap kali hujan.

Satu pasukan bergerak terdiri daripada Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Kejurute-

raan DBKL serta Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) akan segera ke kawasan terbabit, apabila hujan lebat.

## Bersih longkang tersumbat

Pasukan itu akan memeriksa sistem pengairan serta longkang di sekitar kawasan terbabit dan akan membersihkan mana-mana longkang yang tersumbat dengan kerjasama Alam Flora.

Warga kota, Mohd Ramli Rafie, 55, menyambut baik usaha DBKL memperkenalkan pasukan khas mencegah banjir dan memastikan tiada longkang tersumbat.

“Sepanjang Jalan Kuching biasanya memang akan berlaku banjir kilat walaupun hujan sekejap kerana selain longkang yang kecil,



“Idea yang dikemukakan hendaklah memberi impak besar dan memenuhi satu daripada tema ditetapkan”

**Ahmad Phasal Talib,**  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

ia juga berpunca daripada sampah-sarap tersumbat,” katanya kepada BH Sentral.

Justeru DBKL mahukan warga kota mengemukakan idea dengan

memperkenalkan Anugerah Inovasi Datuk Bandar.

Anugerah yang diperkenalkan mulai tahun depan menawarkan hadiah wang tunai RM10,000 dan trofi.

Penyertaan dibuka mulai 1 Januari hingga 31 Ogos tahun depan dan orang ramai boleh menyumbangkan idea masing-masing, menerusi laman sesawang DBKL atau kios Menara Idea Pelanggan (COT).

COT yang terletak di lobi menara DBKL membolehkan kakitangan dan warga kota mengemukakan idea dengan terus menaipnya di situ.

## Cadangan perbaiki khidmat

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Phasal Talib, berharap orang ramai dapat memberi pandangan bagi menambah baik perkhidmatan DBKL berkaitan kebersihan dan keindahan bandar raya.